

29/04/2002

Pas dicabar kemuka konsep negara Islam

Shamshul Azree Samshir

IPOH, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Azmi Khalid mencabar kepimpinan Pas segera mengeluarkan kenyataan bertulis mengenai konsep negara Islam seperti yang dijanjikan parti itu tahun lalu.

Azmi berkata, rakyat nanti-nanti konsep negara Islam mengikut pandangan Pas selepas hampir setahun parti itu berjanji mengeluarkan kenyataan mengenai isu itu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada meminta Pas mengeluarkan kenyataan mengenai konsep negara Islam daripada pandangan parti itu.

"Pas berjanji akan mengeluarkan kertas dasar negara Islam pada akhir tahun lalu tetapi sehingga sekarang, Pas belum mengumumkan dasar negara Islamnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tambun, di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Tambun, Datuk Husni Hanadzlah.

Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, kegagalan Pas mengumumkan dasar negara Islam mengikut pandangan parti itu membuktikan Pas sebenarnya tidak ada dasar berkenaan.

"Saya percaya Pas memang tidak ada dasar yang khusus (mengenai dasar negara Islam) yang kononnya dilaung-laungkan serta digembar-gemburkan.

"Sebenarnya, Pas tidak ada dasar negara Islam langsung, kalau ada tentu Pas boleh memberi kenyataan bertulis mengenainya," katanya.

Azmi berkata, Pas sebelum ini dilaporkan mengadakan mesyuarat dan pertemuan bagi membincangkan konsep negara Islam tetapi sehingga hari ini parti itu masih membisu.

"Pas sudah berjanji dan sudah pun adakan mesyuarat. Tapi sehingga hari ini parti itu masih belum mengeluarkan kenyataan.

"Kita harap tak perlu tunggu lama lagi kerana Pas sudah pun berjanji di Kelantan dan Terengganu (untuk menubuhkan negara Islam). Pilihan raya juga sudah dua tahun berlalu tapi kita masih tertunggu-tunggu," katanya.

Sementara itu, Azmi berkata, ungkapan dan kata-kata celaan yang digunakan pemimpin Pas ketika berkempen di seluruh negara akan dibukukan serta diedarkan kepada rakyat.

"Kita akan bukukan segala ungkapan buruk yang digunakan pemimpin Pas, termasuk soal kafir-mengkafir ahli Umno.

"Semua itu kalau dikumpulkan dapat dijadikan buku tebal dan boleh menunjukkan perjuangan Pas tidak berlandaskan Islam tetapi kepada kepentingan politik semata-mata," katanya.

(END)